

**PEKELILING KPU NO. 11/77**

**:: Plan Punca (Key Plan) atau Rajah Tempatan (Locality Sketch)  
yang dikehendaki oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri ::**

Adalah diketahui bahawa ada Pengarah - Pengarah Tanah dan Galian Negeri yang memerlukan plan punca atau rajah tempatan dikemukakan bersama-sama dengan permohonan pecah tanah. Oleh kerana peta - peta topografi telah dijeniskan sebagai peta terhad, Juruukur - Juruukur Berlesen mendapati sukar untuk menyediakan plan punca seperti yang dikehendaki. Untuk mengatasi masalah ini semua Pengarah Ukur adalah diminta memberikan kerjasama dan membenarkan Juruukur Berlesen mendapatkan maklumat - maklumat dari peta-peta Topografi jika perlu. Langkah-langkah seperti berikut hendaklah diikuti :-

- (i) Juruukur Berlesen atau pekerja Juruukur Berlesen yang mempunyai surat kuasa dari Juruukur Berlesen boleh dibenarkan mendapatkan maklumat yang berkenaan dari sesuatu peta Topografi jika perlu.
- (ii) Juruukur Berlesen atau pekerjanya dikehendaki menunjukkan bahawa pelan punca atau rajah tempatan tersebut adalah dikehendaki oleh pihak yang berkuasa untuk tujuan mempertimbangkan permohonan pecah tanah.
- (iii) Hanya maklumat yang diperlukan untuk menyediakan plan punca atau rajah tempatan sahaja yang boleh dipetik dari peta Topografi jika perlu. Kontor, butir-butir terkelas ("Keypoints") dan lain-lain maklumat yang dijeniskan sebagai terhad dari segi keselamatan tidak dibenarkan untuk disalin dan ditunjukkan di atas pelan punca atau rajah tempatan.
- (iv) Sebelum Juruukur Berlesen atau pekerjanya dibenarkan membawa plan punca atau rajah tempatan keluar dari bangunan Jabatan Ukur, Pengarah Ukur atau Timbalan Pengarah Ukur atau Penolong Pengarah Ukur hendaklah memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan telah diikuti seperti yang dijelaskan di perenggan (iii) di atas.

**DATO'PAUL FOO**

Ketua Pengarah Ukur ,  
Semenanjung Malaysia.

**Error! Not a valid embedded object.**